



Jokowi atau Prabowo?



Rakyat Indonesia pilih presiden, wakil presiden 9 Julai

Pada Rabu depan, kira-kira 185 juta rakyat Indonesia akan menunaikan tanggungjawab mereka memilih presiden dan wakil presiden bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2014 hingga tahun 2019. Pilihan Raya Langsung Presiden atau lebih dikenali dengan singkatan PILPRES adalah kemuncak kepada pesta demokrasi yang melanda Indonesia.

Ia bermula dengan Pemilihan Umum (PEMILU) bagi legislatif yang sudah pun berlangsung pada 9 April lalu.

Berbanding PILPRES pada tahun 2004 dan tahun 2009, pertembungan kali ini hanya menemukan dua pencabar iaitu Jokowi Widodo yang berpasangan dengan Jusuf Kalla (JK) dan Prabowo Subianto bersama Hatta Rajasa.

Pencalonan Jokowi dan JK mendapat sokongan daripada lima parti politik, iaitu Parti Demokratik Indonesia Perjuangan (PDIP), Parti Nasional Demokrat (Nasdem), Parti Hati Nurani Rakyat (HANURA), Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) serta Parti Keadilan dan Pembangunan Indonesia (PKPI), manakala pencalonan Prabowo dan Hatta pula menerima dukungan daripada Parti Gerakan Indonesia Raya (GERINDRA), Parti Amanat Nasional (PAN), Parti Golongan Karyawan (GOLKAR), Parti Keadilan Sejahtera (PKS), Parti Persatuan Pembangunan (PPP) dan Par-

ti Bulan Bintang (PBB).

Apa yang menarik, Prabowo lebih mendapat kepercayaan parti berjalur Islam berbanding Jokowi. Bekas pemimpin tentera itu mendapat dukungan daripada PKS, PPP dan PBB, manakala hanya sebuah parti, iaitu PKB memilih Jokowi.

Prabowo pilihan elit politik

PPP iaitu sebuah parti Islam paling lama di Indonesia menyokong Prabowo atas faktor lebih berpengalaman dan nasionalis serta lebih rapat dengan Islam. Jokowi dilihat kurang berpengalaman dan terlalu cepat untuk ke jawatan nombor satu negara itu.

PKS pula memilih Prabowo atas faktor ketegasan dan kemampuan material. Dua ciri ini penting untuk menjadi seorang Presiden yang kental dan tidak mudah ditewaskan dengan dugaan politik. Komisi Pemilihan Umum (KPU) dan Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) baru-baru ini mendedahkan Prabowo memiliki kekayaan sebanyak Rp 1.6 trilion. Nilai itu jauh lebih tinggi berbanding kekayaan Jokowi yang hanya berjumlah Rp 29.8 bilion.

Kedudukan Prabowo dikatakan semakin kukuh apabila pada saat akhir, beliau mendapat sokongan daripada Parti Demokrat yang dipimpin oleh Presiden Susilo Bambang Yudhoyono atau SBY.

Ini sekali gus menyaksikan Prabowo mendapat sokongan daripada tujuh buah parti politik berbanding hanya lima parti politik oleh Jokowi. Perkembangan mutakhir ini agak mengejutkan kerana pada peringkat awal, Parti Demokrat mengambil keputusan untuk berkecuali dan tidak mendukung mana-mana pencalonan.

Beberapa faktor mendorong Parti

Demokrat menyokong Prabowo. Antaranya, parti itu melihat populariti Prabowo semakin meningkat dan boleh menyaingi Jokowi. Selain itu, Parti Demokrat yakin bahawa Prabowo akan dapat meneruskan program pemerintahannya. Justeru, ia akan memudahkan transisi pemerintahan apabila sudah wujud persefahaman khususnya antara SBY dan Prabowo bagi meneruskan legasi pemerintahan Indonesia.

Namun, calon Wakil Presiden, Jusuf Kalla tidak dipercayai sokongan Demokrat dan yakin SBY akan bersikap berkecuali, bersesuaian dengan kedudukannya sebagai negarawan. Malah menurut Jusuf, Prabowo pernah dipecat dari Tentera Negara Indonesia (TNI) melalui Dewan Kehormatan Perwira yang turut dianggotai oleh SBY. Justeru, tidak mungkin SBY mendukung Prabowo seperti yang diuar-uarkan.

Jokowi 'dekat' di hati rakyat

Bagi penyokong Jokowi, sokongan Parti Demokrat menggambarkan Prabowo diterima oleh oligarki politik yang tertumpu kepada sokongan elit politik semata-mata dan bukannya rakyat biasa.

Ini berbeza dengan sokongan yang diterima oleh Jokowi daripada kalangan rakyat dan golongan bawah. Jokowi dilihat oleh kebanyakan pihak mempunyai kelebihan tersendiri. Kesederhanaan beliau serta imej orang biasa mendekatkannya dengan rakyat. Tidak ada jarak yang memisahkan antara Jokowi dan rakyat.

Rakyat Indonesia rindu dengan sosok pemimpin yang ditemukan dalam diri Jokowi. Malah, visi Jokowi lebih dekat dengan rakyat apabila mahu membudayakan konsep gotong-royong yang menggambarkan

iltizam beliau bersama-sama rakyat membangun Indonesia yang berdaulat, mandiri dan berkeperibadian.

Populariti Jokowi dalam kalangan rakyat biasa kurang disenangi oleh beberapa pihak sehingga sanggup melakukan serangan peribadi seperti memfitnah beliau sebagai penganut Kristian. Jokowi menafikan sekeras-kerasnya dan mempertahankan beliau merupakan seorang Muslim sejak lahir lagi. Terbaharu, beliau didakwa seorang pengamal fahaman komunisme.

Di sebalik pelbagai tohmahan, Jokowi percaya bahawa pengundi tidak akan termakan dengan dakwaan itu. Kempen yang menyentuh Suku, Agama, Ras dan Antara Golongan (SARA) sememangnya dilarang di Indonesia. Akan tetapi, kempen sebegini masih berlaku kerana ia dilihat sebagai jalan pintas bagi mencemarkan reputasi pihak lawan.

Persoalannya sekarang, siapakah pilihan pengundi, Jokowi atau Prabowo? Siapakah yang patut disokong, pemimpin yang mendapat dukungan elit politik dan pemerintah, atau pemimpin yang mendapat dukungan rakyat dan masyarakat bawah? Hasil kebanyakan undian secara atas talian memaparkan Jokowi lebih popular daripada Prabowo.

Selain itu, hasil empat pusingan Debat Presiden yang sudah dijalankan sejak 9 Jun lalu (pusingan kelima pada hari ini) memperlihatkan pendekatan Jokowi lebih digemari kerana lebih praktikal berbanding Prabowo yang hanya pandai ber retorik.




Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia



MOHD IZANI
MOHD ZAIN

AAAA?...NAMA DIA
SAHAK BIN MAT DENIN?
WARGANEGARA MALAYSIA?...



2014